

# SERRIN TABLET

Serratiopeptidase (5 mg)

Risalah Maklumat untuk Pengguna (RiMUP)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SERRIN Tablet
2. Bagaimana SERRIN Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil SERRIN Tablet
4. Cara menggunakan SERRIN Tablet
5. Semasa menggunakan SERRIN Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SERRIN Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

## Apakah kegunaan SERRIN Tablet

SERRIN Tablet digunakan untuk melegakan keradangan pada penyakit berikut:

- Selepas pembedahan dan trauma.
- Pembesaran payudara.
- Keradangan pada
  - Pundi kencing.
  - Tiub yang membawa sperma dari testis.
  - Tisu gusi gigi bongsu.
  - Sinus hidung.
- Abses gigi (nanah).

Ia juga digunakan dalam perawatan kesukaran ekspektasi dalam:

- Bronkitis (keradangan saluran udara yang membawa udara ke paru-paru).
- Tuberkulosis paru-paru (jangkitan paru-paru).
- Asma.
- Penyakit selepas anestesia

## Bagaimana SERRIN Tablet berfungsi

Serratiopeptidase adalah enzim yang membantu tubuh menguraikan protein. Ia memiliki kemampuan untuk mengurangkan rasa sakit dengan menyekat pembebasan bahan kimia penyebab kesakitan dari tisu yang meradang.

## Sebelum mengambil SERRIN Tablet

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil SERRIN Tablet jika:

- Anda alergi (hipersensitif) terhadap serratiopeptidase atau mana-mana bahan lain dalam produk.
- Anda mengandung, cuba hamil atau menyangka anda mungkin hamil.
- Sekiranya anda menyusui, minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda sekiranya:

- Anda mempunyai sejarah alergi ubat dan darah tidak normal seperti pendarahan dari hidung dan lendir berdarah.
- Anda mengalami disfungsi hati atau buah pinggang yang teruk.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil ubat berikut kerana ia boleh berinteraksi dengan SERRIN Tablet:

- Antikoagulan (untuk penipisan darah).

Berkemungkinan boleh untuk anda mengambil SERRIN Tablet dan doktor anda akan dapat menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan SERRIN Tablet

### -Berapa banyak harus digunakan

Untuk pengambilan oral sahaja. Untuk diambil 1-2 tablet tiga kali sehari selepas makan tanpa mengunyah. Dos boleh disesuaikan mengikut umur dan keadaan individu.

### -Bila perlu digunakan

Ambil SERRIN Tablet tiga kali sehari selepas makan atau seperti yang diarahkan oleh doktor. Doktor anda akan memutuskan bila sesuai untuk anda menggunakan SERRIN

Tablet mengikut jenis keadaan yang anda alami.

### -Berapa lama perlu digunakan

Terus mengambil SERRIN Tablet selama yang disyorkan oleh doktor.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda mengenai perkara yang harus anda lakukan sekiranya anda lupa menggunakannya.

Ambil dos yang terlupa sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya sudah hampir waktunya untuk dos seterusnya, tunggu sehingga kemudian ambil ubat tersebut dan langkau dos yang terlupa. Jangan mengambil dos berganda untuk menebus dos yang terlupa.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Segera hubungi doktor anda atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

## Semasa menggunakan SERRIN Tablet

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda tepat seperti yang diberitahu oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil SERRIN Tablet.

- Beritahu doktor anda dengan segera sekiranya anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil ubat baru tanpa berbincang dengan doktor.

# SERRIN TABLET

Serratiopeptidase (5 mg)

Risalah Maklumat untuk Pengguna (RiMUP)

• Jangan berikan Tablet SERRIN kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

• Tidak ada gangguan dengan kemampuan memandu atau mengoperasikan mesin berat.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat, SERRIN Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mengalaminya. Anda dinasihatkan untuk berjumpa doktor / ahli farmasi untuk maklumat lebih lanjut. Kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Ruam atau kemerahan.
- Cirit-birit.
- Hilang selera makan.
- Ketidakselesaan gastrik.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## **Cara penyimpanan dan pelupusan**

### -Penyimpanan

Jauhkan SERRIN Tablet dari jangkauan kanak-kanak. Simpan di bawah 30°C. Pastikan bekas ditutup dengan baik. Lindungi dari cahaya dan kelembapan.

### -Pelupusan

Jangan gunakan SERRIN Tablet selepas tarikh luput yang tertera pada kadbod. Ubat tidak boleh dibuang melalui air sisa atau sampah isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

SERRIN Tablet berwarna oren, tablet bersalut enterik bulat cembung dengan huruf "AM 005" berwarna hitam di satu sisi.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Serratiopeptidase
- Bahan tidak aktif  
*Lactose Monohydrate, Corn starch, Polyethylene Glycol 6000, Magnesium Stearate, Talcum, Eudragit L 100, Sunset yellow dye FCF, Sunset Yellow lake FCF, Purified water, Isopropyl alcohol, Acetone*

### -Nombor MAL

MAL19991391X

### **Pengilang**

MacroPhar Co., Ltd.  
89 Soi Pattanakarn 20 Yaek 4,  
Pattanakarn Road, Suan Luang,  
Suan Luang, Bangkok 10250  
Thailand. Tel.: (662)314-6671  
Fax: (662)318-6091

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Healol Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
74-3, Jalan Wangsa Delima 6, KLSC  
Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur,  
Malaysia  
Tel.: 03-412 7106, 412 7107  
Fax: 03-4149 8108

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

22/02/2021

### **Nombor Siri**

NPRA(R2/1)210219/628